Title	Memanusiawi parokial: Karya Masuri dari sudut kemanusiaan
Author	Sa'eda Buang
Source	*Seminar Masuri S. N (2008), Singapura, 26 – 27 Julai 2008*

This document may be used for private study or research purpose only. This document or any part of it may not be duplicated and/or distributed without permission of the copyright owner.

The Singapore Copyright Act applies to the use of this document.

Memanusiawi Parokial: Karya Masuri dari Sudut Kemanusiaan

Sa'eda Buang
Universiti Teknologi Nanyang, Singapura

Parokial bererti 'skop pandangan yang sempit'.[1] Bagaimanakah memanusiawi parokial sedangkan parokial itu tersangat relatif dan sering tersembunyi di sebalik bayangan semangat 'kekitaan' dan kedaerahan yang rencam? Bagaimanakah Masuri memandang dan mengulit parokial? Soalan yang lebih penting: adakah tugas memanusiawi parokial pernah dipikul oleh Masuri? Harapan menjawab soalan-soalan sedemikian menjadi tunjang perbincangan kami. Bersandarkan karya-karya Masuri, terutama prosanya, soalan-soalan ini akan dijawab dengan memberi fokus pada sudut kemanusiaan untuk melihat bagaimana Masuri mentakrif, menaakul dan memanusiawi parokial yang berlaku di dalam diri dan di sekelilingnya.

PENGENALAN DAN PENDEKATAN

Parokialisme membawa makna 'pemikiran yang sempit, cetek, dan kedaerahan'[2] (Waite, 2006). Apakah pula yang dikatakan sebagai pemikiran yang sempit? Apakah kadar ukuran bagi menentukan 'sempit' dan 'cetek' di sini? Ukuran dan contoh siapakah yang akan kita gunakan? Soalan-soalan ini membuktikan betapa relatifnya istilah ini dan kebergantungannya kepada sesuatu pengalaman sosio-sejarah, nilai-nilai sesuatu masyarakat yang dinilai, dan 'siapa yang berkata' atau penilainya. Namun demikian, perbincangan singkat ini tidak condong ke arah relativisme[3] atau positivisme[4] semata kerana kami berpandangan bahawa nilai-nilai sejagat seperti keadilan sosial, keamanan, kesamarataan, kebijaksanaan, kesihatan dan keharmonian masih boleh dan harus dijadikan ukuran untuk mengurangkan kadar relatif tadi.

PENGERTIAN PAROKIAL MENURUT PERSPEKTIF PELBAGAI PENGKAJI

Untuk mengetahui maksud dan contoh-contoh parokialisme selanjutnya, kami utarakan beberapa rujukan sebagai contoh penggunaan istilah tersebut dalam kajian-kajian yang berkaitan ketatanegaraan, keamanan, sains sosial dan kesusasteraan. Onuf (1975: 71), dalam satu kajian keamanan dan hubungan antarabangsa, menekankan bahaya kewujudan parokialisme dalam bidang ini. Parokial yang dimaksudkan berbentuk konsepsi atau idea yang banyak dipegang oleh beberapa pihak. Onuf menuduh bahawa pandangan yang bulat-bulat mengatakan 'kuasa sebagai satu alat penguasaan' merupakan satu contoh fahaman parokial. Mungkin ramai yang tidak bersetuju dengan pandangan Onuf tetapi ruang yang terbatas ini tidak membenarkan kita membincangkan idea tersebut secara tuntas. Yang ingin kami tonjolkan melalui contoh ini ialah sesuatu idea yang dianggap umum mungkin dianggap sebagai parokial bergantung pada latar belakang 'siapa' yang berkata. Namun demikian, kami bersetuju dengan pandangan Onuf mengenai tanda-tanda parokial, yakni apabila seseorang itu memencilkan dirinya dan enggan melaksanakan penilaian kendiri secara kritikal.

Selanjutnya, semasa perbahasannya mengenai sikap diskriminasi yang ditunjukkan negara Amerika Syarikat terhadap rakyat asing dan pendatang baru di negara tersebut

dalam isu migrasi rentas negara, Wildenthal (1989: 1557) memberi makna parokialisme sebagai fahaman perlindungan[5] atau *protectionism*. John Lindsay (1990: 936) mempunyai tanggapan yang hampir serupa dan menganggap parokial sebagai satu sifat atau pandangan yang menekankan kepentingan diri sendiri, dan dalam aspek kenegaraan ianya berlaku apabila seseorang pemimpin itu memastikan keuntungan penduduknya terjaga tanpa mengambil kira kesannya atas orang lain. Lee (1995) pula semasa membincangkan kebimbangannya terhadap kedudukan disiplin sosiologi di Amerika Syarikat mengutarakan 'pemencilan' atau *isolationism* sebagai satu ciri dan akibat parokialisme. Melalui perbicaraannya, Lee berasa betapa perlunya ahli sosiologi di negara tersebut mula giat melaksanakan penyejagatan intelektual atau *intellectual internationalization* untuk keluar dari ruang lingkup parokialisme. Berdasarkan contoh-contoh yang telah disebutkan, satu kesimpulan boleh dibuat yakni parokialisme boleh berlaku di tahap idea, sikap, polisi, dan tindak-tanduk, secara individu atau berkumpulan. Parokial, umumnya, membawa ciri-ciri diskriminasi, fahaman perlindungan, dan pemencilan demi mengutamakan kepentingan diri atau sesuatu puak sambil mengenepikan hak atau peluang orang lain.

Dalam dunia penulisan pula, istilah parokialisme pernah digunakan untuk membincangkan satu gaya penulisan yang dihasilkan oleh angkatan *The Movement*[6] yang dikatakan terbentuk di England sebelum Peperangan Dunia Kedua. Apakah ciri-ciri parokialisme yang ditonjolkan oleh angkatan yang dimaksudkan? Melalui esei di akhbar *the Spectator* terbitan tahun 1954, angkatan ini dikatakan 'bosan dengan kebobrokan zaman 1940-an, langsung tidak berminat terhadap kisah penderitaan yang bertele-tele, bersikap tidak sabar terhadap romantisme dan kepekaan dunia puisi tahun-tahun 1950-an, waham (sceptic), tegar dan bersikap ironik' (Michael Hulse, 1996). Secara ringkas, angkatan ini bukan sahaja berbeza dari segi pemikiran, gaya penulisan dan sikap dengan penulis-penulis era 40-an dan 50-an malah memandang kecil corak penulisan sedemikian. Berdasarkan contoh tersebut, kelihatannya dalam dunia persuratan label parokial diberi kepada golongan yang hanya percaya bahawa gaya dan corak penulisannya yang betul dan terbaik sambil enggan menghargai keunikan dan adanya 'tempat' bagi setiap corak penulisan dan perjuangan kumpulan-kumpulan penulis yang lain. Sama ada fenomena yang sama berlaku di dalam dunia penulisan di sini ataupun tidak, persoalannya, haruskah si peran yang menghasilkan fenomena ala *The Movement* ini dianggap sebagai parokial? Kami lebih condong untuk mengambil sikap berhati-hati di sini dan tidak boleh dengan sewenang-wenangnya menganggap setiap penolakan sesuatu fahaman dan pendirian atas dasar tertentu sebagai parokial. Soalan yang lebih kami utamakan di sini: Bagaimanakah sikap Masuri terhadap parokialisme? Adakah karya-karya Masuri menguliti isu dan sikap parokial? Soalan-soalan sedemikian sebenarnya membuat andaian bahawa parokialisme wujud dalam dunia penulisan Melayu. Benarkah? Perbincangan kami seterusnya yang kebanyakannya berdasarkan cerpen-cerpen dalam antologi *Di luar Dugaan* berpusar pada usaha menjawab soalan-soalan ini.

MASURI DAN PAROKIALISME

Masuri telah melalui beberapa zaman; semasa dan pasca Peperangan Dunia Kedua, pasca Kemerdekaan, cabaran era modernisasi, industrialisasi dan globalisasi. Setiap era ini diwarnai oleh isu-isu utama yang mencabar dan memberi tekanan kepada masyarakat terbanyak yang cuba diladeni oleh Masuri melalui tulisannya. Berdasarkan zaman-zaman yang bergejolak yang telah dilaluinya serta contoh-contoh parokialisme yang telah kami sentuh dari sudut ketatanegaraan, sains sosial dan kajian keamanan di awal perbincangan,

maka pastilah harapan kami menggunung untuk melihat kejaguhan Masuri mematahkan fahaman parokialisme seperti antara lain, penjajahan, diskriminasi kaum dan penindasan terhadap rakyat dalam karya-karyanya, terutama genre cerpen. Namun, seperti yang diakui sendiri oleh Masuri bahawa "undang-undang Darurat telah mengekang kebebasan pengarang atau novelis untuk dapat benar-benar menulis secara bebas dan terbuka. Maka dengan sendirinya hasil novel-novel mereka juga hanya berisi fikiran-fikiran yang kurang mendalam mengenai pokok persoalan yang sedang berlaku pada zamannya" (Masuri, 2006: 147). Yang demikian, menurut Masuri, strategi menulis masalah masyarakat atas dasar "Seni untuk Masyarakat" sebenarnya "secara tidak langsung membuka kelemahan-kelemahan pemerintah atau penjajah ketika itu" (2006: 148).

Sekiranya kita berpegang kepada takrif parokial sebagai 'pemikiran yang sempit' dan pemikiran sedemikian dilihat dari kacamata Masuri, terbentang beberapa pemikiran sedemikian yang cuba 'diperangi' oleh Masuri. Membaca cerpen-cerpen awal dalam antologi *Di luar Dugaan* yang mewakili tahun-tahun 1948 hingga 1997, terasa kecenderungan Masuri menggambar kehidupan remaja yang terdedah dan terpesona dengan dunia kota yang menjanjikan kesenangan dan hiburan yang tidak ada di desa. Itulah anggapan masyarakat umum, terutamanya golongan dewasa. Sebagai perakam kehidupan sosial masyarakatnya, cara hidup remaja yang menuju ke arah materialisme dan hedonisme; gaya hidup yang bertentangan dengan nilai-nilai ketimuran digambarkan secara kritis melalui beberapa cerpennya seperti *Semangat Ombak Melanda Pantai* dan *Perkara Biasa*. Adakah anggapan umum terhadap anak muda sedemikian satu bentuk parokial atau adakah sikap anak muda itulah gambaran parokial?

Walaupun Masuri tidak pernah menggunakan istilah parokial dalam coretan-coretannya, kritikannya memberi kita gambaran akan sikapnya yang kurang senang terhadap sikap dan pandangan anak muda, atau mana-mana pihak yang dianggap mendatangkan kesan yang negatif terhadap diri, masyarakat dan budaya. Sebagai contoh, melalui cerpen-cerpen ini tergambar usaha Masuri membasmi kecetekan pemikiran sebahagian masyarakat era sebelum Kemerdekaan yang menganggap bahawa kehidupan di kota menjanjikan pulangan yang lebih baik dari segi sosial dan material jikalau dibandingkan dengan kehidupan di kampung. Kecetekan pemikiran ini cuba ditonjolkan melalui dialog antara pencerita dan Baharum, yang meninggalkan kampung halaman demi mencari kehidupan yang lebih baik di bandar, dalam cerpen *Sahabat Saya Baharum* (1999: 37):

> Kerana saya berpendapat di kota tidak ada pemerasan, melainkan sama saja mengikut usaha masing-masing. Siapa bekerja kuat dapat hasil dan wang lebih. Itu sebabnya saya sengaja memilih hidup di kota.

Kesempitan pemikiran Baharum terletak pada andaian tiadanya pemerasan di kota, sedangkan kenyataannya di kotalah hukum rimba berleluasa. Kami meminjam pandangan Karl Marx di sini bahawa golongan proletariat menjadi makanan golongan borjuis melalui penindasan dalam bentuk pulangan gaji yang tidak setimpal dengan curahan tenaga yang dikeluarkan oleh golongan pekerja. Idea inilah yang cuba disampaikan secara halus oleh Masuri melalui dialog berikut.

> "Ah, ini hairan betul. Saudara memikirkan hidup di kota lebih bahagia; siapa rajin bekerja dapat faedah lebih dan hidup senang. Tidak saudara. Di kota pun walau saudara bekerja mati-matian dari pagi matahari terbit sampai matahari masuk, sampai besok matahari terbit lagi, tentu hasilnya tidak sepadan dengan tenaga yang

saudara telah berikan itu. Lain halnya jika saudara banyak wang berjuta-juta ringgit, lalu membuka syarikat perniagaan dan perusahaan-perusahaan besar, barulah hidup saudara senang, enak-enak memerintah dan goyang-goyang kaki saja. Tetapi kalau cuma hidup memburuh bermodalkan tulang empat kerat, sama saja di mana-mana. Di kampung pun begitu, di kota pun begitu. Pendeknya di mana-mana pun serupa, tidak ada beza jika tidak ada modal."

Yang menariknya, tidak seperti Marx, Masuri tidak menjadikan penindasan sebagai tema utama atau membidas penindasan golongan borjuis secara terbuka, tetapi mengalihkan keterbukaannya pada aspek yang lain pula. Sikap keterbukaan Masuri ini melangkaui tanggapan umum akan 'kemurnian' desa. Dari kenyataan di atas, Masuri menyindir bahawa 'di mana-mana' jua, termasuk desa, tidak sunyi dari penguasaan golongan borjuis atau kapitalis terhadap golongan buruh, dan golongan buruh tetap perlu menggunakan tulang empat kerat untuk meneruskan kehidupan.

Lalu, setelah mengkritik kecetekan pandangan golongan pemuda, adakah Masuri terus menyerang habis-habisan secara melulu akan golongan ini tanpa berusaha memahami pendirian mereka? Adakah Masuri parokial dalam usahanya membuka minda masyarakatnya? Cara Masuri menyampaikan buah fikirannya melalui anyaman cerita jelas membuktikan sikapnya yang jauh dari unsur parokial. Golongan yang dikritik, malah dalam banyak contoh kedua-dua belah pihak yang terlibat dalam polemik diberi peluang untuk menjelaskan diri. Terdapat tanda-tanda yang menunjukkan usaha Masuri memahami dan cuba mengajak pembaca memahami masalah setiap golongan dari kaca mata watak-watak yang mewakili golongan yang dimaksudkan. Sebagai contoh, watak Sidek dalam cerpen *Membawa Hidup* yang terpaksa berjuang di kota kerana melalui babak-babak kegagalan dan kehilangan tempat bernaung di desa diberikan peluang untuk difahami. Sidek diberi peluang untuk menegakkan kembali cita-citanya sebagai pengarang:

Itulah Sidek yang sekarang. Kalau dipandang dari luar, maka orang tidak tahu asal usulnya akan menyangka dia pemuda biasa yang tidak mempunyai cita-cita langsung.

Sebagai pemerhati sosial yang matang, Masuri menunjukkan kewajarannya mengkritik bukan sahaja pemikiran dan perilaku pihak remaja yang tidak menguntungkan, malahan juga golongan dewasa yang banyak mengkritik golongan remaja. Khususnya golongan bapa seperti di dalam cerpen *Persoalan* turut sama memikul kesilapan dan akibat berfikiran sempit. Watak dalam *Persoalan* mewakili kaum bapa yang berfikiran cetek kerana menekankan kebendaan dan kesenangan yang sementara tanpa memikirkan masa hadapan diri, keluarga dan bangsa. Namun, bertepatan dengan jiwa Masuri yang besar, dalam *Persoalan*, si bapa (Encik Sahid) diberikan simpati melalui penyelaman Masuri ke dalam jiwa watak lalu menemui kekosongan emosi, perasaan tegang dan hampa Encik Sahid sehingga menyebabkan beliau mencari jalan keluar melalui cara yang tidak wajar.

Kecondongan Masuri mengajak pembaca melihat polemik golongan muda-golongan tua dari sudut pandangan kedua-dua belah pihak juga jelas terbayang dalam puisinya *Jurang Jenerasi* (Puncak Sembilan, 1975: 25):

Aku tidak lagi disegani
siapa-siapa anak lelaki

berani menentang
tangan berdiri mencabar.

Dosaku menuntut
begitu tumbuh mencencang balas,
aku di antara kehancuran
anak-anak yang terus membahang

Siapakah yang harus dipersalahkan melahirkan generasi yang berani menentang dan mencabar generasi tua? Dalam puisi *Jurang Jenerasi* ini, Masuri meletakkan kesalahan di pundak generasi tua dan sistem kehidupan tajaan generasi tua sehingga membentuk watak generasi muda yang sedemikian rupa. Namun demikian, sekali lagi, dalam eseinya yang bertajuk *Yang lama tak semestinya tidak berguna* (2006: 56-57) yang membicarakan isu perbezaan keinginan golongan baru (remaja) untuk merubah nilai dan golongan lama untuk mempertahankannya, Masuri meminta kedua-dua belah pihak berhenti sejenak untuk melihat sesuatu keinginan, sama ada untuk reformasi atau pengekalan, berdasarkan nilai-nilai kemanusiaan dan keuntungan bersama. Kami turunkan tukilan berikut untuk memahami pendekatan yang Masuri ambil:

> Perubahan memang terus berlaku, seperti yang 'lama' akan menjadi lapuk, kuno, tua, reput dan membumi, lalu akan digantikan dengan yang 'baru', agar terjadi kesegaran, kejernihan dan kejelmaan semula menjadi sesuatu yang lebih baik. Tetapi perlulah ada penerokaan jiwa dan penghayatan batin yang cukup mendalam 'terhadap perubahan-perubahan yang dikirakan 'baru' agar pembaharuan dan kesegaran itu akan dapat mempertinggi dan memperkaya nilai-nilai budaya, tradisi serta warisan yang telah sedia kita miliki semenjak berabad-abad yang lalu.

Melalui contoh-contoh di atas, Masuri secara bijaksana mengambil idea parokial yang berlaku di sekelilingnya lalu memanusiawi parokial tersebut melalui pendekatannya yang meminta pertimbangan dan pemahaman dari kedua-dua belah pihak yang terlibat. Masuri menggunakan parokial sebagai alat untuk menjadikan manusia bersifat kemanusiaan.

Di tahap ini, kita tinggalkan isu golongan remaja-golongan lama untuk meneliti isu-isu lain yang menjadi fokus Masuri. Kesempitan fikiran kaum wanita seperti di dalam cerpen *Besar Pasak dari Tiang* dan *Nona* tidak terlepas dari pemerhatian Masuri. Atas kepentingan peribadi berdasarkan isu yang dipandang amat kecil oleh umum, yakni isu interpretasi nama (di sini isu nama *Nona* – merujuk pada buah Nona atau 'gadis'?) seseorang itu sanggup membubarkan satu badan masyarakat, mengorbankan projek masyarakat, melibatkan seluruh masyarakat dan negara (melalui akhbar) dalam polemiknya. Masuri berjaya menggambarkan betapa ceteknya pemikiran sedemikan. Golongan-golongan ini dipandang sinis oleh Masuri. Namun Masuri menganyam kritikannya secara konvensional dengan penuh kesantunan lalu kerap memberikan peluang kepada watak-watak yang berfikiran sempit sedemikian untuk sedar dari kesilapan mereka dan bangun merubah kehidupan dengan penuh keazaman seperti cerpen *Semangat Ombak Melanda Pantai* dan juga *Nona*.

Beberapa contoh lain yang ingin kami utarakan bagi menunjukkan sikap Masuri terhadap parokial tergambar dalam cerpen-cerpen yang terdapat dalam antologi *Di luar Dugaan*. Dalam cerpen *Salahnya Sendiri*, sekali lagi Masuri membuktikan dirinya jauh dari mengamalkan sikap parokial dari segi mempertahankan nilai Timur secara membuta tuli. Walaupun Masuri sering mengaitkan kejelikan budaya Barat dengan tindak-tanduk

golongan pemuda yang hilang pedoman di kota, Masuri tidak membuta-tuli mengagungkan nilai Timur. Tidak semua nilai ketimuran yang harus dipertahankan sekiranya nilai tadi mendatangkan keburukan, seperti yang tergambar dalam cerpen *Salahnya Sendiri* di mana adat Melayu yang menuntut anak gadis menerima sahaja ketentuan orang tuanya dalam hal pasangan hidup dipersoalkan. Pandangan serong dan sempit masyarakat Melayu terhadap wanita berstatus janda memperjuangkan nasib diri dan anak-anaknya sendiri tanpa perlu berkahwin lagi atau khususnya menggantung nasib pada lelaki cuba diperbetulkan oleh Masuri melalui cerpen *Kak Maimun*.

Sekali lagi seperti di dalam *Sahabat Saya Baharum* tetapi kali ini lebih menyerlah, bayangan pergeseran idea golongan berkepentingan seperti di antara golongan pekerja dan kapitalis/majikan di dalam cerpen *Pendirian* dan *Jatuh*, atau penyewa dan tuan tanah melalui cerpen *Keluarga Pak Hassan* menjanjikan coretan polemik genting dalam masyarakat kota serta respons Masuri terhadap polemik sedemikian. Namun, adakah potensi polemik tersebut dijelmakan dalam bentuk perbahasan berdasarkan sikap parokial golongan-golongan yang disebutkan di dalam pertukangan seni Masuri? Walaupun di dalam ketiga-tiga cerpen tersebut terdapat ciri-ciri tekanan fizikal dan emosi dari pihak yang kukuh ekonominya, dan nasib kaum pekerja dan/atau penyewa berada di dalam tangan pihak majikan, pergeseran yang diutarakan bukanlah atas dasar pihak majikan ingin meraih keuntungan ekonomi semata-mata. Sebaliknya, di dalam *Pendirian*, Rais, sebagai pekerja menjadi korban hasutan isteri majikan, bukan korban pergelutan idea kaum kapitalis. Keengganan Rais melepaskan jawatan sebagai pengurus walaupun akan diberi gaji yang lumayan sebagai setiausaha syarikat menjadi satu lagi penyebab Rais kehilangan pekerjaannya. Di akhir cerita, Mubarak sebagai majikan menyesal akan perbuatannya memaksa Rais mengambil keputusan yang tidak menguntungkan dirinya. Namun, menurut konvensi Masuri, kelemahan Rais sebagai pekerja yang mementingkan 'title' atau status (sebagai pengurus) sehingga sanggup menerima potongan gaji atau diberhentikan kerja juga harus dipersalahkan. Di dalam *Jatuh*, pergeseran antara golongan pekerja dan majikan berlaku atas kesilapan Johar (pekerja), yang lewa bercinta lalu terasa dirinya seperti kehilangan kebebasan untuk bertindak dan berkarya. Bagaimana pula kesilapan majikan? Tidak memahami sikap *dan* naluri ahli seni yang suka kebebasan, dan tidak jujur kerana menggunakan seorang gadis untuk memancing ketaatan Johar. Sekali lagi, corak penulisan konvensi dan kesantunan Masuri mengasuh jiwa pembaca melalui sulaman parokial dalam karya-karyanya.

Sebagai pendukung falsafah 'Seni untuk Masyarakat', ketajaman pena Masuri membina masyarakat melalui kritik sosialnya sudah banyak diperkatakan. Bagaimana pula falsafah ini mempengaruhi corak penulisannya? Adakah Masuri menganggap hanya gaya penulisannya berdasarkan fahaman 'Seni untuk Masyarakat' yang paling betul dan menolak yang lain? Berdasarkan perbincangan selanjutnya, kami ingin tekankan bahawa Masuri tidak menolak kepelbagaian pendekatan dalam dunia penulisan sebagaimana yang tergambar dalam hasil karyanya *Cerpen dalam Cerpen*. Nampaknya fenomena yang dianggap sebagai parokial yang dilemparkan ke arah angkatan *The Movement* yang kami sebut sebelum ini tidak menjadi ciri ideologi atau fahaman Masuri.

Berbeza daripada cara penulisan konservatif di mana watak menyokong plot yang bersendikan sesuatu tema yang nyata, *Cerpen dalam Cerpen* karya Masuri ini lari dari kebiasaan tersebut. Cerpen ini merupakan satu percubaan Masuri untuk menggunakan pendekatan yang mencampur-baur impian dan realiti lalu menguji kebijaksanaan pembaca untuk mencari-cari tema dan persoalannya yang pasti. Hal ini juga dipersoalkan oleh Zawiyah Yahya dalam bahagian pendahuluan *Orang di Jambatan* (Amilah Abdul Rahman,

2001: xxiii), "... di mana tidak ada kepastian sama ada kisah kucing atau dialog sastera yang menjadi realiti cerita dalam cerpen itu".

Cerpen ini berkisar pada perbualan antara dua orang teman mengenai persoalan apa itu cerpen; sama ada ianya harus berdasarkan fakta berbungakan khayalan atau imaginasi semata. Jikalau pokok perbincangan yang sedemikian dibiarkan memonopoli sesebuah karya cerpen, biasanya ia akan menghasilkan satu penceritaan yang bertele-tele dan membosankan. Ini tidak berlaku ketika membaca cerpen Masuri. Persoalan apa itu cerpen yang memecahkan khalayak kepada dua pandangan yang bertentangan, berterusan tergambar sepanjang cerpen jika ianya kita lihat dari segi semiotik. Kedudukan dua pembicara tidak bernama; dua insan bernama Syamsi dan Syamsul; dan dua warna, hitam dan putih, yang terdapat pada seekor kucing menggambarkan perpecahan tersebut. Apakah petanda yang dibawa oleh penanda Syamsi dan Syamsul, hitam dan putih? Syamsi (cahaya), berpihak kepada sastera sebagai fiksyen semata-mata dan kerana itu berupaya menulis beratus-ratus cerpen. Manakala Syamsul (juga bermakna cahaya), seorang pencinta sastera yang gemar membaca, mengkaji dan menganalisis buku seantero dunia, namun belum ada satu cerpen pun yang dihasilkannya!

Penelitian dari sudut sosiologis pula membawa kita kepada satu sindiran tajam penulis terhadap dunia penulisan tempatan yang harus diberikan perhatian. Ketajaman pemerhatian Masuri terhadap dunia penulisan masyarakatnya tergambar dalam cerpen ini. Dunia penulisan Singapura yang amat kecil jika dibandingkan dengan yang terdapat di negara-negara jirannya, semakin diburukkan dengan adanya perpecahan di kalangan pencinta-pencinta sastera dan pandangan-pandangan yang berbaur parokial. Golongan yang hanya berkarya berdasarkan fiksyen hanya akan menemui polemik dalam diri kerana tidak bersandarkan kenyataan. Ibarat bermain dengan bayang-bayang. Manakala golongan pengkritik dan pengkaji sastera pula tidak dapat mengayakan dunia sastera jika kajian dan kritikan tadi tidak beriringan dengan penciptaan hasil tulisannya. Perpisahan atau pertentangan antara dua golongan ini tidak membawa sebarang faedah. Masuri mengusulkan jawapan terhadap polemik ini. Ianya terdapat pada Tompok, seekor kucing yang tiba-tiba muncul di pertengahan dialog dua orang teman. Kedudukan dua warna yang berbeza pada Tompok tidak menjadikannya hodoh, malah sebaliknya, Tompok menjadi rebutan.

> Engkau tengok bulunya. Cantik bukan! Apa kata orang hitam putih. (Masuri, 2001: 587).

Sekali lagi, konvensi Masuri mengajak pembaca dan dua golongan penulis yang bertentangan melihat perspektif kedua-dua belah pihak. Sama ada Tompok sebagai satu simbol boleh dilihat di aras individu atau masyarakat, Masuri membuktikan bahawa dua pandangan mengenai sastera yang kelihatannya bertentangan tadi sebenarnya sokong-menyokong dan boleh wujud sebagai satu kesatuan dalam diri seseorang individu atau satu masyarakat. Kesatuan warna sebagai penanda, dan pendirian sebagai petanda inilah yang dikatakan sebagai mempunyai nilai yang 'cantik' jika dipandang dari sudut estetik dan jika kita pinjam perspektif psikoanalisis Emmanuel Kant. Kecantikan ini tidak terletak pada bentuknya sahaja tetapi juga dari segi fungsi objek itu sendiri yang mendatangkan kegunaan dan kepuasan kepada si pengguna. Lebih penting lagi, kesatuan tadi berlaku dalam sfera konsep *kebebasan negatif* tajaan Kant (MacGowan, 1991:41). Kant sebenarnya amat menekankan kebebasan individu berfikir, bertindak dan membuat keputusan. Jika kita lihat dari sudut teori Kant mengenai kebebasan individu, kesatuan tadi seolah-olah merupakan

sesuatu yang bertentangan dengan pemikiran liberal individu. Sebagai contoh, pandangan Syamsi dan Syamsul yang berbeza dan bertentangan adalah sesuatu yang digalakkan dan merupakan norma kehidupan pasca modernisme. Kedua-dua pandangan berhak dipegang oleh penganutnya. Namun, konsep *kebebasan negatif* Kant menyisipkan faktor rasional umum. *Kebebasan negatif* ada batasnya. Ini berbeza dengan kebebasan mutlak individu. *Kebebasan negatif* tidak boleh lari dari rasional umum kebanyakan khalayak. Rasional umum yang mendatangkan kebaikan kepada khalayak dipandang sebagai batas sfera kebebasan-kebebasan individu tadi. Ia berfungsi menyatukan masyarakat yang terdiri daripada individu yang rencam keinginan dan pemikirannya (MacGowan, 1991: 41). Tanpa menyebut falsafah Kant, sebenarnya Masuri telah memanusiawi pendirian parokial kedua golongan penulis ini untuk melahirkan kemajuan dalam dunia penulisan yang menguntungkan kemanusiaan.

Di peringkat ini, Masuri berjaya mengajukan kelainan dan kesatuan dalam sesuatu organisme, pemikiran dan tindak-tanduk watak melalui cerpennya. Mesej ini agak jelas disampaikan jika kita memerhatikannya dari sudut psikologi. Setiap penggiat seni berhak memilih bentuk pemikirannya sendiri. Namun, amatlah malang jika pengkaji dan pencinta sastera yang kaya dengan fakta teragak-agak untuk menghasilkan karya sastera. Keadaan dunia penulisan di Singapura yang mendambakan hasil sastera yang banyak dan bernilai tidak mampu untuk menghadapi keadaan yang sedemikian rupa. Pacuan dua nilai, yakni kesungguhan berkarya beserta ketajaman mengkritik dan mengkaji sastera akan menghasilkan puncak keindahan karya sastera yang bakal menjadi rebutan khalayak.

Berdasarkan perbincangan kami yang serba ringkas, gambaran wujudnya idea dan sikap parokial dalam masyarakat Melayu – melalui kaca mata Masuri - telah dirakam oleh Masuri dalam karya-karya prosanya. Yang lebih penting, Masuri tidak menunjukkan sikap parokial dalam penulisannya malah sebaliknya, beliau menggunakan parokial untuk mengundang pembaca menyelami masalah dan pandangan golongan yang berpandangan parokial yang menyebabkan tercetusnya idea parokial tersebut. Melalui anyaman seni dan kesantunan peribadinya, Masuri menjadikan parokial sebagai bahan untuk memanusiawi pembaca.

Nota Kaki

[1] Sila rujuk Kamus Dewan di http://sbmb.dbp.gov.my/knb/cariankata/dbp_ka_rujukan_kamus_dbp.aspx.

[2] Dalam bahasa Inggeris, pengertian asalnya berbunyi *'narrow-mindedness, provincial and small-mindedness'*.

[3] Relativisme menekankan bahawa kebenaran itu relatif dan tidak mutlak kerana ianya tersangat bergantung pada perspektif semua yang terlibat. Lihat "relativism", *The Oxford Dictionary of Philosophy*. Simon Blackburn. Oxford University Press, 1996. *Oxford Reference Online*. Oxford University Press. National Institute of Education, 25 May 2008, http://www.oxfordreference.com/views/ENTRY.html?subview=Main&entry=t98.e2053

[4] Pendekatan positivisme menuntut pembuktian secara empirikal berdasarkan pemerhatian saintifik secara teratur dan eksperimen bagi sesuatu kajian. Pengkritik pendekatan ini menegaskan bahawa pendekatan ini gagal menghayati betapa kompleksnya membuat sesuatu pemaknaan dari sudut sosial. Untuk penerangan lanjut, sila rujuk "positivism", *A Dictionary of Sociology*. John Scott and Gordon Marshall. Oxford University Press 2005. *Oxford Reference Online*. Oxford University Press. National Institute of Education. 27 Mei 2008, http://www.oxfordreference.com/views/ENTRY.html?subview=Main&entry=t88.e1761.

[5] Sila rujuk *Kamus Inggeris-Melayu Dewan*.

[6] Beberapa orang penulis seperti Kingsley Amis, Robert Conquest, Donald Davie, Enright, Thom Gunn, John Holloway, Elizabeth Jennings, Philip Larkin, dan John Wain dikatakan sebagai anggota kumpulan ini. Lihat D. J. Enright, 1955 dan Robert Conquest, 1956.

Rujukan

Amilah Abdul Rahman (Ed.) (2001). *Orang di Jembatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Puskata.

Blackburn, S. (1996). Relativism. *The Oxford Dictionary of Philosophy*. Oxford University Press, *Oxford Reference Online*. National Institute of Education. Lungsuri 25 Mei 2008, http://www.oxfordreference.com/views/ENTRY.html?subview=Main&entry=t98.e2053

Hulse, M. (1996). "Movement, The", *The Oxford Companion to Twentieth-Century Poetry in English*. Oxford University Press. *Oxford Reference Online*. National Institute of Education. Lungsuri pada 25 Mei 2008, http://www.oxfordreference.com/views/ENTRY.html?subview=Main&entry=t58.e821

Kamus Dewan, http://sbmb.dbp.gov.my/knb/cariankata/dbp_ka_rujukan_kamus_dbp.aspx, lungsuri 27 Mei 2008.

Lie, J. (1995). American Sociology in a Transnational World: Against Parochialism, *Teaching Sociology*, Vol. 23, No. 2, Teaching about Inequality and Diversity: Age, Class, Gender, and Race/Ethnicity (Apr., 1995), hal. 136-144.

Lindsay, J. M. (1990). Parochialism, Policy, and Constituency Constraints: Congressional Voting on Strategic Weapons Systems, *American Journal of Political Science*, Vol. 34, No. 4, hal. 936-960.

MacGowan, J. (1991). *Postmodernism and Its Critics*. London: Cornell University Press.

Masuri S. N. (1975). *Puncak Sembilan*. Singapura: Pustaka Nasional

Masuri S. N. (1995). *Mimpi Panjang Seorang Penyair*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Masuri S. N. (1999). *Di Luar Dugaan*. Othman Puteh (Ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Masuri S. N. (2006). *Dalam Merenung Dalam: Kumpulan esei dan kritikan 1977-2005*. Mohamed Pitchay Gani (Ed.). Singapura: Asas '50.

Onuf, N. G. (1975). Peace Research Parochialism, *Journal of Peace Research*, Vol. 12, No. 1 (1975), hal. 71-78.

Scott, J. & Marshall, G. (2005). Positivism: *A Dictionary of Sociology*. Oxford University Press, *Oxford Reference Online*. National Institute of Education. Lungsuri pada 27 Mei 2008, http://www.oxfordreference.com/views/ENTRY.html?subview=Main&entry=t88.e1761 .

Waite, M. (2006). *The Oxford Paperback Thesaurus*. UK: Oxford University Press.

Wildenthal, B. H. (1989). State Parochialism, the Right to Travel, and the Privileges and Immunities Clause of Article IV, *Stanford Law Review*, Vol. 41, No. 6 (Jul., 1989), hal. 1557-1595.